

Evolusi Senibena Melayu

PTAR. YEM.

NA
1525
.S84

1983

0
5
1



SENARAI KANDUNGAN

A) KATA PENGANTAR	i
B) PENDAHULUAN	ii
C) ABSTRAK	v
D) BAB 1	
SEJARAH PENDUDUK:	
1.00 Kedudukan Dari Segi Ilmu Alam	1
1.01 Penduduk Zaman Purba	3
1.02 Penduduk Zaman Perunggu	5
1.03 Kedatangan Orang Luar	7
1.04 Penjajahan Dan Pengaruh Barat	10
1.05 Penaklukan Orang Jepun	11
E) BAB 2	
BANGSA DAN BUDAYA:	
2.00 Kaum-kaum Dan Kebudayaan	12
2.01 Bangsa Melayu	14
2.02 Bangsa Cina	17
2.03 Bangsa India	20
2.04 Pengaruh Barat	23
F) BAB 3	
EVOLUSI SENIBINA:	
3.00 Sejarah Senibina- Evolusi	24
3.01 Senibina PraSejarah	25
3.02 Senibina Tradisi Melayu	31
3.02.1 Senibina Melayu Asli	32
3.02.2 Senibina Rumah Adat	38
3.02.3 Senibina Keugamaan	54
3.03 Senibina Pengaruh Penjajah	61
3.04 Senibina Moden	70
G) BAB 4	
PERBANDINGAN SENIBINA TEMPATAN DAN LUAR NEGERI..	80
H) PROSES EVOLUSI	82
(BAB 5)	
I) KESIMPULAN	89
J) KESAN DAN SARANAN	90
K) PENUTUP	93
L) RUJUKAN	94

KATA PENGANTAR

Assalamualaikum. Alhamdulillah dengan kehendaknya tersusun juga akhirnya Kajian Akhir saya sempena memenuhi syarat bagi memperolehi Diploma dalam kursus Senibina di ITM, Shah Alam.

Kajian Akhir ini adalah hasil dari penyelidikan yang dilakukan terdahulu selama hampir setahun. Berbagai cara penyelidikan telah dijalankan bagi menjayakan kajian ini, diantaranya termasuklah temubual-temubual dengan mereka yang berkenaan, mengadakan lawatan ketempat-tempat tersebut dan juga membuat kajiselidik di Muzium, Akib Negara dan perpustakaan-perpustakaan.

Bagi menjayakan kajian ini maka ramai-lah orang yang telah terlibat, dan kesempatan ini saya gunakan untuk mengucapkan ribuan terimakasih yang tidak terhingga kepada mereka yang berkenaan. Khasnya Encik Abd. Ghani Mohd. Desa selaku pensyarah bertugas, bagi jasa baiknya dalam memberikan tunjukkan dan nasihat serta memberi panduan bagi menjayakan kajian ini. Juga kepada Encik Halim Nasir dari pihak Muzium yang telah memberikan kerjasamanya serta membenarkan saya memperolehi gambar-gambar dari koleksi Muzium.

Terakhir sekali saya ingin mengucapkan terimakasih kepada Jabatan Senibina ITM, Shah Alam yang telah memberikan saya beberapa kemudahan bagi menjalankan kajian ini.

...Suhaimi Jaffar...

Suhaimi Jaffar.

30hb. Jun 1983.

ABSTRAK

Abad 300 Sebelum Masihi adalah titik permulaan bagi orang-orang Melayu mula memajukan tanah untuk bertani, tetapi jauh di sebelah hujung dunia yang lain, negara Eropah telah memasuki zaman sains. Hubungan berkesan antara kedua buah tempat ini tiada langsung sehinggalah pada abad ke 16 tahun Masihi. Oleh kerana itu, alam mistik dan adat resam yang dibawa, direka dan diperkembangkan oleh masyarakat kuno Melayu itu tidak mudah ditembusi malah ia dipegang kuat masa kemasa, hinggalah akhirnya ia menjadi lemah dengan datangnya orang-orang Barat.

Sejarah telah membuktikan bahawa kebudayaan Melayu banyak mengalami penyerapan dari kebudayaan-kebudayaan lain. Pengaruh terawal sekali adalah dari kebudayaan Dongson yang kemudian diikuti dengan kemasukan bangsa dan budaya orang-orang Hindu, Cina, India Islam, Arab dan orang-orang Eropah. Pengaruh Dongsonlah yang mula-mula sekali memberi ilham kepada orang-orang Melayu tempatan untuk mengembangkan seni mereka dan dalam kebudayaan Islam, seni orang-orang Melayu telah dikatakan hampir mencapai peringkat kegemilangan yang mana tarafnya sangat tinggi. Nyatalah kebudayaan-kebudayaan tersebut secara langsung telah memperkayakan nilai kebudayaan kita. Sikap degil dan bangga serta menghormati adat resam tempatan telah memelihara keaslian seni orang-orang Melayu. Dalam mana-mana negara sekalipun senibina adalah lambang kemajuan seni dan budaya mereka, jika tinggi mutu senibinanya maka tinggilah nilai kebudayaan mereka itu. Dari itu bolehlah kita menganggap bahawa orang-orang Melayu telah mempunyai nilai-nilai peribadi mereka sendiri, memulakannya dan mengembangkannya dengan tidak menghadapi masalah.

Senibina orang-orang Melayu yang terawal telah terbentuk melalui kehendak alam iaitu senibina itu dibina semata-mata untuk memberi perlindungan diri dari hujan dan panas. Disebabkan cuaca sedemikian maka terbentuklah bumbung yang tinggi dan curam. Rumah-rumah yang didirikan di atas tiang juga adalah kesan dari pengaruh alam. Alam Melayu yang penuh dengan adat telah memberikan beberapa garis tentang rekabentuk dan cara pembinaan rumah-rumah beradat, sebab itulah kita dapat melihat bahawa orang-orang membina rumah-rumah pada masa dahulu adalah Tok Pawang atau Dukun-dukun, yang mana mereka semuanya adalah pakar dalam adat istiadat orang-orang Melayu. Setelah sekian lama senibina itu berkembang dengan pesat, semakin lama semakin bertambah baik, tiba-tiba apabila pucuk pimpinan orang-orang Melayu tewas kepada orang-orang Barat, perkembangan itu telah secara langsung terhenti. Ini adalah disebabkan oleh kesibukan orang-orang Melayu itu di dalam peperangan dan cubaan untuk menghalau keluar orang-orang Eropah dan banyak lagi peperangan saudara yang berlaku. Masa untuk memperindahkan senibina sudah hampir tiada lagi. Semangat cintakan tanahair dan keazaman untuk merampas kembali kuasa dari tangan orang luar itu telah menggantikan semangat cintakan seni, tetapi apakan daya sudah suratan Illahi, malang tidak berbau, dan "Sudahlah jatuh dihempap tangga" pula kerana tanahair masih digenggam dan seni Melayu pula semakin merosot. Maka sewaktu orang-orang Inggeris itu berkuasa dan bermaharajalela mengembangkan pengaruh mereka, kebudayaan Melayu seperti "telor di hujung tanduk"

Sebagaimana boleh terbentuknya ciri-ciri senibina Melayu kerana disebabkan oleh keadaan alam maka begitu juga bagaimana keadaan alam (kedudukan Semenanjung) pada masa itu mencorak dan mengubah